

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah terlalu banyak pangkalan data yang perlu diisi oleh guru dalam pengurusan murid yang menambahkan lagi beban tugas guru dan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menangani isu ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan satu sistem data tunggal murid melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid selari dengan pelaksanaan sistem pengurusan sekolah mulai 1 Januari 2015. Proses ini mengelakkan daripada duplikasi data murid berlaku. Data murid yang sama hanya perlu dikunci masuk sekali sahaja dan digunakan oleh pelbagai sistem lain. Aplikasi tersebut merupakan satu (1) daripada 12 aplikasi yang boleh diakses oleh semua guru. Aplikasi Pangkalan Data Murid bagi Modul Kehadiran perlu diisi setiap hari. Manakala enam (6) aplikasi hanya diisi apabila perlu sahaja dan lima (5) aplikasi lagi memerlukan pengisian yang sangat jarang iaitu antara dua ke empat kali setahun. Selain daripada 12 aplikasi tersebut, 27 aplikasi

yang lain hanya perlu diisi oleh guru yang berjawatan seperti guru kaunseling, guru disiplin, guru pendidikan khas dan jawatan lain.

RJM15